

PM arah gerakkan segera kerja pemuliharaan banjir

Oleh ZAHARUDDIN MD ALI
dan KAMIL MASLIH

JOHOR BAHRU 16 Jan. - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan supaya kerja-kerja pemuliharaan di kawasan-kawasan yang terjejas akibat banjir di Johor digerakkan segera.

Beliau berkata, ini kerana kerja-kerja pemuliharaan sebenarnya adalah lebih besar dan penting berbanding usaha memindah, menyelamatkan dan menyalurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

"Saya telah maklumkan kepada Ghani (Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman) supaya menyediakan satu rancangan dan mewujudkan kerjasama yang boleh digerakkan dengan Kerajaan Pusat untuk memulihkan kawasan dan kehidupan mangsa yang terjejas akibat banjir.

"Saya berharap kerja-kerja pemuliharaan ini dapat dimulakan segera supaya mangsa banjir dapat meneruskan kehidupan seperti biasa dengan segera," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Bukit Mutiara, Kangkar, Tebrau

di sini, hari ini.

Perdana Menteri yang baru pulang daripada menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN di Cebu, Filipina semalam, turut melawat Kota Tinggi, kawasan yang paling teruk dilanda gelombang banjir kedua ini.

Selain itu, Perdana Menteri meminta supaya semua mangsa banjir agar mengambil suntikan bagi mencegah penyakit-penyakit yang mudah berjangkit.

Menurut beliau, suntikan ini penting dan kakitangan Kementerian Kesihatan telah mula memberikan suntikan anti demam kepalu kepada mangsa banjir.

"Saya berharap mereka (mangsa banjir) tidak membantah bagi mengelakkan dijangkiti penyakit. Kita mempunyai jumlah ubat yang mencukupi," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berterima kasih dengan semua pihak yang prihatin dengan menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir baik dalam bentuk barangan atau tenaga.

Bagaimanapun, Abdullah mengingatkan para petugas yang mengendalikan bantuan yang diperoleh melalui pelbagai sumber supaya mengagihkan barangan dengan sebaik-baiknya dan saksama tanpa mengira kaum dan kedudukan.

um - 17/1/2007

Mengenai lawatannya itu, beliau secara keseluruhannya berpuas hati dengan tahap penyaluran bantuan yang diberikan kepada mangsa-mangsa banjir.

"Saya dapati mereka yang terbabit dengan kerja sukarela menyalurkan bantuan ini benar-benar mempamerkan semangat kerjasama yang amat tinggi.

"Di pusat pemindahan yang biasanya sesak, saya dapati semua kaum dapat hidup dan bekerjasama antara satu sama lain dan inilah semangat dan perpaduan rakyat Malaysia yang kita mahu lihat," tegas beliau.

Abdullah turut memuji peranan yang dimainkan anggota tentera, polis, Rela, Jabatan Pertahanan Awam dan pertubuhan bukan kerajaan sepanjang bencana itu.

Bagaimanapun, katanya, beliau berharap cuaca di Johor akan kembali pulih dan air akan cepat surut di kawasan yang dilanda banjir supaya orang ramai boleh segera kembali ke rumah masing-masing untuk meneruskan kehidupan dengan selesa.

Menjawab soalan pemberita, Abdullah menjangka bahawa darurat tidak akan diisytiharkan terhadap Johor kerana keadaan tidak memerlukan dan tiada sebab untuk berbuat demikian.

Beliau juga menjelaskan bahawa bencana banjir di Johor tidak menjejaskan pelaksanaan projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).

Terdahulu Perdana Menteri meluangkan masa lebih dua jam untuk melawat kawasan-kawasan yang dilanda banjir di bandar Kota Tinggi.

Beliau yang tiba di Kota Tinggi dengan helikopter pada pukul 10 pagi telah diberi taklimat mengenai situasi banjir di daerah itu sebelum melakukan tinjauan dengan menaiki bot di sekitar kawasan bandar yang dinaiki air.

Turut bersama beliau dalam lawatan itu ialah Abdul Ghani; Ahli Parlimen Kota Tinggi yang juga Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz; Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Johor, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Pegawai Daerah Kota Tinggi, Norizan Kulup.

Perdana Menteri turut mengadakan lawatan di beberapa pusat pemindahan mangsa banjir di bandar ini termasuk di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) New Kota dan Sekolah Menengah Teknik Kota Tinggi.